

Pensyarah perlu buat penyelidikan, penerbitan

UB 06.11.2012 A7

LABUAN: Pensyarah perlu membuat penyelidikan dan penerbitan selain mengajar di bilik kuliah kepada pelajar.

Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof Madya Dr Ismail Ali berkata selain untuk meningkatkan kerjaya mereka, bidang penyelidikan dan penerbitan diperlukan semasa penilaian prestasi kenaikan pangkat.

Katanya, semua ahli akademik di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) perlu memperbanyakkan bidang penyelidikan dan penerbitan untuk kebaikan kerjaya mereka pada masa akan datang.

"Pensyarah SPKAL dan SSIL perlu menubuhkan satu pasukan penyelidikan dan inovasi bagi memastikan

mereka sentiasa aktif dalam bidang berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perjumpaan Pengarah UMS-KAL Bersama Kakitangan Akademik di Dewan Theatrette, kelmarin.

Turut hadir Dekan SPKAL, Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainul Abidin, Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah.

Pada majlis itu, Ismail turut berdialog dengan kakitangan akademik mengenai proses pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan teknologi maklumat (ICT) di bilik kuliah.

Beliau turut memaklumkan beberapa kemudahan termasuk klinik untuk warga, taska, bilik kuliah, bilik pensyarah dan ICT yang sentiasa diperlukan pensyarah dan pelajar sedang dinaik taraf.

Padamasa sama, beliau mahu hasil karya pensyarah kedua-dua sekolah dipamerkan di ruang legar universiti untuk tatapan dan bacaan pelajar dan pengunjung sebagai sumbangan yang sangat bernilai kepada UMS-KAL.

"Kita perlu membudayakan amalan membaca dalam kalangan semua warga universiti termasuk pelajar, kakitangan sokongan dan pensyarah," katanya.

Selain itu, Ismail menasihatkan pensyarah agar tidak mengamalkan ideologi politik kepartian bagi menjaga imej universiti serta tidak membabitkan pelajar yang perlu fokus kepada pelajaran.

Beliau juga meminta semua pensyarah supaya memberikan sokongan padu kepada dekan dan timbalan dekan serta mengadakan perbincangan sekiranya terdapat masalah secara baik dan harmoni.



SEBAHAGIAN pensyarah SPKAL dan SSIL yang menghadiri Majlis Perjumpaan Bersama Pengarah UMS-KAL di Dewan Theatrette, kelmarin.